

Tarikh Iklan : 22 MEI 2023 (ISNIN)



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN



KENYATAAN PRA - KELAYAKAN

Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor – kontraktor yang layak melalui Pra-Kelayakan bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN/ KELAS	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	No. Tender : JLN/T/01/2023 CADANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP PERBANDARAN KOTA BHARU KELANTAN.	TERBUKA *T1 (KHAS BUMIPUTERA) Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	I. Berdaftar dengan CIDB - G7 Kategori B04 – Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan dan Kategori CE 14 – Landskap di Luar Bangunan dan Kategori CE21- Pembinaan Kejuruteraan Awam dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan(SPKK) dan II. Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang sah dengan BPKU/PKK ATAU III. Berdaftar dengan PUKONSA Kelas A Tajuk II Tajuk Kecil 2(a) dan Tajuk VI Tajuk Kecil (3a),(3b) dan 6 (a) ATAU IV. Berdaftar dengan UPKJ Kelas A Kepala II, Sub Kepala (2a), dan Kepala VI Sub Kepala 2, 5 dan 6 Dan V. Mempunyai 'Nett Worth' Bermilai Melebihi RM2,666,666.67 Atau Modal Pusingan melebihi RM1,333,333.33 Atau Modal Mudah Cair Melebihi RM 2,000,000.00. VI. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja Tertinggi yang disiapkan dalam tempoh 5 tahun hendaklah melebihi RM 4,000,000.00 VII. Mempunyai sijil SCORE CIDB tiga (3) Bintang VIII. Keutamaan kepada Kontraktor yang mempunyai pengalaman dalam pembangunan Landskap.	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Dokumen Dijual: 22 Mei 2023 (Isnin) Sehingga 12 Jun 2023 (Isnin)	RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) Senaskah dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Bank Draf atas nama Akauntan Negara Malaysia – KPKT-T	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya Tarikh Tutup Tender: 15 Jun 2023 (Khamis) Waktu: 12.00 tengahari

1. Dokumen Pra-Kelayakan akan dikeluarkan kepada wakil atau ejen yang kontraktor yang diberikuasa sahaja (surat wakil kuasa perlu dikemukakan semasa berurusan) untuk maksud ini wakil atau ejen kontraktor dikehendaki mengemukakan **SIJIL ASAL dan Salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB Serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ (Jika Berkenaan)**. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender. Dokumen Pra-Kelayakan tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.
2. Dokumen Pra-Kelayakan boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Petender. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 15 JUN 2023 (KHAMIS)** Tender No. **JLN/T/01/2023** dan Jabatan Landskap Negara tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui Pos. Jabatan Landskap Negara juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
3. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat www.jln.gov.my dan web rasmi Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my.

*Jenis Pendaftaran:

T1 – Syarikat 100% milik warganegara.

A1 – Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.

A2 – Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



(ROSLEE BIN ABDULLAH)

Ketua Pengarah

Jabatan Landskap Negara

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Tarikh: 19 April 2023